

16 JAN 1996

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat MT di PWTC

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Mesyuarat yang bermula pada jam 8.45 malam itu dijangka membincangkan mengenai keputusan Pergerakan Pemuda UMNO yang menyerahkan kepada MT untuk menyelesaikan isu penyerahan semula jawatan kepada bekas Ketuanya, Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik.

Ia juga akan membincangkan mengenai persiapan sambutan UMNO yang ke-50 yang akan diadakan tahun ini.

Exco Pergerakan Pemuda UMNO pada 8 Jan lepas telah membuat keputusan untuk menyerahkan kepada MT untuk membuat keputusan mengenai hasrat Pemangku Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Nazri Abdul Aziz yang mahu menyerahkan semula jawatan ketua pergerakan itu kepada Rahim. -- Bernama.